



04 OCT, 2024

Lelaki seludup 50 kotak minuman keras ditahan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Lelaki seludup 50 kotak minuman keras ditahan



KENDERAAN yang digunakan oleh suspek semasa ditahan semasa Ops Kontraban yang dijalankan sepasukan anggota polis dari Unit Risikan Pasukan Marin Wilayah 5 Miri, 2 Oktober lalu.

MIRI: Seorang lelaki ditahan selepas disyaki membawa 50 kotak minuman keras tanpa cukai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Polis (ACP) Alexson Naga Chabu berkata suspek ditangkap dalam Ops Kontraban pada 11.05 pagi pada 2 Oktober lalu oleh sepasukan anggota polis dari Unit Risikan Pasukan Marin Wilayah 5 Miri.

Katanya, lelaki itu ditahan di sekitar Bandar Miri.

"Semasa serbuan, turut dirampas sebuah kenderaan jenis pacuan empat roda (4WD) serta minuman keras jenama Sagota Beer disyaki tanpa cukai Kastam.

"Jumlah rampasan adalah sebanyak 50 kotak minuman keras dan anggaran rampasan RM101,549.50," jelasnya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Tambahnya, satu kertas siasatan katanya dibuka dan disiasat di bawah Seksyen 135 (1)(d) Akta Kastam 1967.

Permohonan reman suspek akan dikemukakan di hadapan Mahkamah Majistret Miri bagi membantu siasatan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah, disarankan untuk tampil ke mana-mana balai polis berdekatan untuk perkongsian maklumat atau menghubungi talian 085433730.



04 OCT, 2024

Lelaki seludup 50 kotak minuman keras ditahan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KENDERAAN yang digunakan oleh suspek semasa ditahan semasa Ops Kontraban yang dijalankan sepasukan anggota polis dari Unit Risikan Pasukan Marin Wilayah 5 Miri, 2 Oktober lalu.

MIRI: Seorang lelaki ditahan selepas disyaki membawa 50 kotak minuman keras tanpa cukai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini, pagi semalam. Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Polis (ACP) Alexson Naga Chabu berkata suspek ditangkap dalam Ops Kontraban pada 11.